

KEPENTINGAN GOLONGAN TEKNO-DA'I DALAM PENYEBARAN DAKWAH

Oleh:

Zulkiple b. Abd. Ghani *

Abstract

This paper seeks to discuss the importance of a group of techno-da'i in the diffusion of da'wah message. As there is a close affinity between the technology and the duty of da'wah, the emergence of professional techno-da'i must be planned and well-trained. Some challenges and examples on operating the media by Muslims are carefully examined in this paper. It has been argued that rapid technological change has placed a lot of pressures to establish techno-da'i who can mobilise and shape the minds of Muslim audiences as ordered by Islam.

PENDAHULUAN

“Technology is the tool of civilisation, and for Islamic civilisation to have been such a leading force for several centuries, clearly it must have been based on important technological achievements”. Demikianlah pandangan yang dikemukakan oleh Profesor al-Hassan dan Donald R. Hill¹ dalam kajian yang telah diterbitkan mereka dan boleh dianggap antara yang komprehensif ketika ini membincangkan sejarah pembangunan teknologi Islam, salah satu hasil projek yang diusahakan oleh UNESCO. Perbincangan mereka meliputi aspek teknologi kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan sivil, teknologi ketenteraan, teknologi kapal dan navigasi, teknologi kimia, teknologi pakaian, kertas dan kulit, pertanian dan teknologi makanan, teknologi besi dan logam serta peranan para jurutera dan artisan yang terlibat dalam pembangunan teknologi Islam. Antara faktor yang dikatakan mempengaruhi

* Zulkiple b. Abd. Ghani, Ph.D. adalah Profesor Madya di Jabatan Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

¹ Ahmad Y. al-Hassan dan Donald R. Hill (1986), *Islamic Technology an Illustrated History*. New York: Cambridge University Press, h. xiv.

perkembangan teknologi dalam beberapa abad tersebut ialah wujudnya kefahaman yang kuat berkaitan teknologi yang terkandung dalam ajaran Islam sehingga ia menjadi satu budaya kehidupan. Perkembangan bandar-bandar Islam juga dikatakan menjadi faktor penggerak yang menggerakkan pembangunan pelbagai aplikasi teknologi yang berhasil melalui daya kreativiti dan inovasi orang-orang Islam ketika itu. Perdagangan antarabangsa yang wujud iaitu antara wilayah Islam dengan negara China di Timur dan Sepanyol di Barat pula membolehkan maklumat mengenai teknologi baru diserap dan diasimilasikan sebagai satu budaya orang-orang Islam dengan dibantu pelbagai institusi yang berkaitan seperti polisi sains kerajaan, kewujudan laboratori dan perpustakaan, kegiatan penterjemahan dan naungan kepada para saintis dan penyelidikan teknologi. Kini dikatakan masih terdapat kira-kira suku juta manuskrip berkaitan teknologi Islam, kebanyakannya dalam bahasa Arab, yang masih tersimpan di pelbagai perpustakaan di seluruh dunia, walaupun dikatakan sebahagian yang lain telah musnah atau hilang.²

Perbincangan seperti di atas menyediakan gambaran kerangka teori yang jelas mengenai Islam dan perkembangan teknologi. Pembicaraan tentang teknologi tidaklah terhad kepada alam ‘mesin’ atau ‘hardware’ sahaja, malah ia berkaitan dengan kemanusiaan dan mempunyai impak sosial yang jelas. Hakikat yang perlu diakui, seperti yang ditegaskan oleh Sulaiman Nyang, hubungan antara Islam dan perubahan teknologi kini berada dalam suasana yang cukup kritikal memandangkan dunia Islam tergolong dalam kategori yang paling kurang membangun dalam bidang ini. Impaknya, kelemahan *technological know-how* telah diterjemahkan keseluruhannya kepada kelemahan politik dan kebergantungan dari segi peralatan ketenteraan kepada pihak yang menguasai teknologi.³ Walaupun para sarjana Islam sering berhujah bahawa Islam dianggap agama yang membawa “rahmat kepada seluruh alam”, namun kegagalan umat Islam menterjemah ajaran Islam dalam konteks kehidupan semasa seringkali mendatangkan kesan negatif dari segi kualiti pendakwahan.

Berdasarkan latarbelakang di atas, kertas ini akan membincangkan hubungan dakwah dan teknologi dalam skop yang lebih luas termasuk persoalan yang menyentuh pengkategorian secara khusus golongan *tekno-da'i* dan bagaimana mereka seharusnya berperanan penting memimpin perubahan persekitaran dalam struktur lingkungan hidup yang begitu mencabar akibat penciptaan teknologi komunikasi maklumat (ICT). Penulis berhujah bahawa kewujudan kelompok besar *tekno-da'i* dalam pelbagai kategori yang mempunyai karakter pendakwah yang

² *Ibid.*, h. 9.

³ Sulaiman S. Nyang, “Islam and Technological Change in the Modern World”, *Muslim Education Quarterly*, Vol. 6, No. 1, 1988.

unggul, menyedari tanggungjawab hidup lebih dari sekadar ‘mencari nafkah’ dan sentiasa tinggi dedikasinya kepada hidup mulia boleh dirancang secara teliti bagi memperolehi *output* yang maksimum ke arah mencari keredaan Allah SWT.

SIAPAKAH PENDAKWAH?

Gambaran umum selalunya merujuk “pendakwah” kepada individu atau beberapa individu yang biasanya berkebolehan menyampaikan ceramah, khutbah, berforum atau menyampaikan pengajaran agama secara khusus dalam pelbagai bentuk.⁴ Sebelum tahun 1970-an di negara kita, istilah ‘dakwah’ umumnya tidak begitu dikenali kerana ianya terangkum dalam pelbagai istilah agama yang lebih popular seperti “amar makruf nahi munkar”, “*nasiḥah*”, “*tablīgh*” dan sebagainya, manakala mereka yang dikatakan pendakwah adalah terdiri daripada golongan yang lebih dikenali sebagai “ustaz” yang mempunyai latarbelakang pengajian Islam secara formal dan seringkali terlibat dalam beberapa usaha menyampaikan ajaran Islam kepada kelompok tertentu. Namun disebabkan arus gelombang kebangkitan Islam yang melanda seluruh pelusuk dunia Islam di sekitar awal tahun 1970-an yang didominasi oleh pemikiran Islam baru seperti “Islam sebagai *al-dīn*”, “Islam syūmul”, “Islamisasi” dan seumpamanya, maka terdapat gabungan kelompok ustaz dan mereka yang tidak dalam aliran pendidikan Islam formal menceburi gelanggang dakwah secara aktif dan dalam jumlah yang besar.

Gabungan tersebut telah memunculkan kelompok baru pendakwah dengan membawa pandangan dakwah yang lebih komprehensif dan usaha untuk mengimplementasi ajaran Islam dalam seluruh aspek kehidupan individu dan masyarakat diperhebatkan. Selari dengan pandangan tersebut, terdapat institusi pengajian tinggi Islam khususnya di Timur Tengah dalam lingkungan tiga abad yang lalu mula menumpukan kepada perbincangan ilmu dakwah secara lebih serius. Berdasarkan sumber al-Qur'an, al-Sunnah serta sumber-sumber muktabar dalam disiplin pengajian Islam, terdapat kajian dan penilaian semula tentang siapakah yang dimaksudkan sebagai pendakwah. Antaranya ialah pandangan yang dikemukakan oleh Dr. Abdul Karim Zaidan⁵ dan Dr. Ahmad Ghawash.⁶ Ketika membicarakan persoalan *hukm*

⁴ Lihat Judith Nagata (1984), *The Reflowering of Malaysian Islam: Modern Religious Radicals and Their Roots*, Vancouver: University of British Columbia Press; Muhammad Abu Bakar (1981), “Islamic Revivalism and the Political Process in Malaysia”, *Asian Survey*, vol. 21, no. 10, Oktober, h. 1040-1059.

⁵ 'Abd al-Karim Zaydān (1987), *Usūl al-Da'wah*. Miṣr: Mu'assasah al-Risālah.

⁶ Ahmad Ghawash (1978), *al-Da'wah al-Islāmiyyah, Usūluha wa Wasā'iluhu*. Al-Qāhirah: Dār al-Kitāb al-Miṣri.

tabligh al-da'wah, mereka berhujah bahawa pada prinsipnya menyampaikan dakwah merupakan satu kewajipan kepada Rasulullah s.a.w., antaranya berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah ayat 67 dan Surah al-Nur ayat 54 yang masing-masing bermaksud: “*Wahai Rasul, sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu*” dan “... dan tidak lain kewajipan Rasul itu melainkan menyampaikan (*amanat Allah*) dengan terang”.

Walaupun begitu, ulama didapati berbeza pendapat tentang hukum menyampaikan dakwah di kalangan umat Islam. Golongan pertama berpendapat hukumnya adalah wajib iaitu fardu ‘ain kepada setiap individu Muslim yang akil baligh. Pandangan ini adalah berdasarkan hujah ayat 108 Surah Yusuf yang bermaksud:

“Katakanlah inilah jalan (agamaku), aku dan orang-orang yang mengikuti-kutu mengajak (kamu) kepada Allah dengan hujah yang nyata, Maha Suci Allah, dan aku tiada termasuk orang-orang yang musyrik”.

Mereka juga berhujah bahawa terdapat sunnah Rasulullah s.a.w. yang cukup jelas iaitu usaha dakwah adalah penyebab kepada pengutusan para Rasul utusan Allah SWT. Di samping itu, mereka juga membawa Hadis Rasulullah s.a.w. untuk menyokong hujah bahawa dakwah adalah wajib kepada setiap individu Muslim,⁷ iaitu hadis saih yang diriwayatkan oleh Muslim⁸ bermaksud:

“Sesiapa antara kamu yang melihat perbuatan munkar, maka hendaklah ia mengubahnya dengan tangan, maka sesiapa yang tidak berkuasa lakukanlah dengan lidahnya dan sesiapa yang masih tidak berupaya, maka lakukanlah dengan hati, itu adalah selemah-lemah iman”.

Golongan ulama yang kedua bagaimanapun lebih cenderung kepada pendapat bahawa tugas berdakwah adalah fardu kifayah kepada umat Islam iaitu apabila ada sekumpulan umat Islam telah mengambil tanggungjawab melaksanakan usaha dakwah, maka sebahagian yang lain akan terlepas dari kewajipannya. Mereka berhujah antaranya berdasarkan ayat 104 surah Ali-Imran yang bermaksud:

“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar; merekalah orang-orang yang beruntung”.

⁷ Lihat Ahmad Ghawash, *op. cit.*, h. 233-234; 'Abd al-Karim Zaydān, *op. cit.*, h. 299; Ab. Aziz Mohd. Zin, “Dakwah Islamiah: Kajian Tentang Pandangan Ulama Mengenai Hukumnya”, *Jurnal Syariah*, vol. 1, no. 2, Julai 1993, h. 384-395.

⁸ Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Imān: hadis no. 78.

Kepentingan Golongan *Tekno-Da'i* Dalam Penyebaran Dakwah

Perkataan “*minkum*” (sebahagian dari kamu) dalam ayat tersebut ditujukan kepada sekumpulan umat Islam yang dianggap mempunyai ilmu pengetahuan dan dengan itu mereka berkewajipan menjalankan usaha dakwah.⁹ Golongan ini berhujah bahawa ilmu pengetahuan amat penting untuk melaksanakan kerja-kerja dakwah untuk mengelakkan daripada berlakunya kesilapan maklumat dan kesilapan manhaj, malah jika kewajipan berdakwah dikenakan kepada semua umat Islam, akan timbul persoalan bagaimana pula kedudukan mereka yang jahil, sakit dan seumpamanya.

Bagi menjelaskan perbezaan pandangan yang wujud, golongan yang pertama berhujah apa yang dimaksudkan dengan erti perkataan “*minkum*” dalam ayat tersebut bukanlah bermakna “*li al-tab‘id*” (sekumpulan) tetapi lebih kepada makna “*li al-tabyin*” (menegaskan), di mana walaupun setiap individu Muslim wajib menyampaikan dakwah, namun kewajipan tersebut bergantung kepada tahap keilmuan dan kemampuan mereka. Jika seseorang individu umpamanya hanya menyedari bahawa sembahyang adalah satu kewajipan fardu kepada umat Islam, maka sudah menjadi kewajipan kepadanya untuk mengajak orang yang tidak sembahyang menunaikannya. Bagi mereka yang mengkhusus dan mempunyai pengetahuan mendalam dalam ilmu agama pula, kewajipan golongan ini tentulah lebih tinggi dan mereka boleh dikatakan termasuk dalam kumpulan “pendakwah profesional” yang sentiasa tersemat dalam sanubarinya kehendak yang kuat agar manusia yang sampai dalam jangkauannya akan memperakui kekuasaan dan keesaan Allah SWT. Pendapat ini dianggap lebih *rājiḥ* dan *aslah* terutama dengan mengambil kira suasana dan kedudukan umat Islam kini.¹⁰

Justeru itu, secara umumnya pendakwah tidaklah hanya terhad kepada individu atau kumpulan yang seringkali berceramah dan sebagainya, malah pendakwah boleh wujud dalam pelbagai kategori seperti peniaga-pendakwah, juruteknik-pendakwah, guru-pendakwah, jurutera-pendakwah, arkitek-pendakwah, ahli politik-pendakwah, pemandu-pendakwah dan sebagainya. Hal ini bukanlah sesuatu yang baru dalam fenomena pendakwahan sepertimana yang telah diperjelaskan oleh T.W. Arnold dalam bukunya yang dianggap teks utama dalam menggambarkan sejarah dakwah iaitu *The Preaching of Islam*. Buku ini diterbitkan pada tahun 1896 di Aligarh dan diterjemah serta diterbitkan semula dalam bahasa Arab pada tahun 1947.¹¹ Beliau

⁹ Ahmad Ghawthah, *op. cit.*, h. 234.

¹⁰ *Ibid.*, lihat juga Amin Ahsan Islahi (1978), *Call to Islam and How the Holy Prophets Preached*, Kuwait: Islamic Book Publishers; Islamic Circle of North America (1983), *Manual of Da'wah for Islamic Workers*, Canada: Islamic Circle of North America.

¹¹ Arnold, T.W (1913), *The Preaching of Islam A History of the Propagation of the Muslim Faith*. London: Constable & Company Ltd.

menyimpulkan bahawa faktor diterminasi dalaman umat Islam untuk menyebarkan ajaran Islam merupakan faktor utama Islam tersebar ke seluruh pelusuk dunia terutama melalui aktiviti perdagangan dan tasawuf. Para pedagang-pendakwah dikatakan telah memainkan peranan monumental yang cukup besar khususnya di Nusantara, di mana dengan imej “maju dan progresif”, berjiwa peniaga, berpakaian lebih tamadun zahirnya dan akhlak yang sungguh terpuji telah menjadi daya penarik yang kuat bagi berlakunya konversi di peringkat kelas elit dalam masyarakat hingga ke peringkat kelas bawahan. Mereka yang mengendalikan kapal-kapal perniagaan besar merentasi lautan dari negara-negara Arab-India-Tanah Melayu-China sudah tentu memiliki keazaman yang cukup tinggi serta kemahiran mengendalikan teknologi kapal. Sikap para pendakwah tersebut dikatakan oleh Arnold sebagai: *“they have prosecuted their efforts with untiring energy, perfecting their work ... wherever it has been partial or insufficient”*.¹²

Dalam konteks yang lebih luas, “pendakwah” boleh juga wujud dalam bentuk sebuah organisasi atau institusi. Sesebuah organisasi yang di dalamnya terdapat pelbagai struktur profesyen pekerjaan dan bersifat melengkapi sebuah kehidupan bermasyarakat Islam juga boleh dianggap sebagai pendakwah. Begitu juga sebuah institusi, sama ada dalam struktur kerajaan atau swasta, mempunyai aktiviti perniagaan atau perkhidmatan, juga berfungsi sebagai pendakwah dan membawa mesej keIslaman apabila objektif dan nalurinya dipenuhi dengan hasrat memperolehi keredaan Allah. Justeru itu, jika akhlak mulia akan terus menjadi petanda kepada individu pendakwah, ia juga mesti diaplikasi kepada pendakwah dalam bentuk organisasi atau institusi dan “*dā’ī*” ketika itu menjadi unsur utama dalam proses kualiti pendakwahan. Orang-orang Islam yang mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang teknologi boleh dianggap sebagai pendakwah-teknologi sama ada mereka “menyampaikan” atau diri mereka menjadi punca “penyampaian” (dalam bahasa tanpa lisan) tentang Islam dengan syarat yang mudah iaitu akhlak mereka adalah mulia dan dalam diri mereka sentiasa tersemat hasrat untuk menjunjung Islam sebagai agama yang benar serta nikmat Islam itu perlu dikongsi bersama oleh seluruh umat manusia sebagai satu rahmat.

PENDAKWAH - TEKNOLOGI (*TEKNO-DA’I*)

Barat mula menggunakan secara meluas teknologi komunikasi massa iaitu filem, radio dan televisyen di sekitar tahun 1920-an dan seterusnya, begitu juga dengan para misionari Kristian yang turut mengambil kesempatan menjadikan medium

¹² *Ibid.*, h. 363.

Kepentingan Golongan *Tekno-Da'i* Dalam Penyebaran Dakwah

tersebut sebagai saluran misionari mereka. Ada antara mereka menggunakan istilah “televangelism” untuk merujuk kepada penggunaan aparatus berkenaan bagi menyebarkan signal atau mesej Kristian. Mereka membuat filem-filem yang mengandungi mesej misionari seperti “Little House of the Praire”, “Postman Pat” (bagi kanak-kanak) dan sebagainya. Salah seorang yang aktif terlibat dalam aplikasi ini, Luis Patau menegaskan matlamat aktiviti ini menerusi katanya seperti berikut:

*“One of my dreams is to see Christian principles saturating secular radio and television programs - biblical principles of family living, personal living, handling money, facing crisis, settling personal disputes. Little House of the Praire, though it's old-fashioned, introduced biblical principles to millions... ”.*¹³

Oleh kerana perkakasan media telah menjadi keperluan hidup dan kebanyakan rumah di Amerika dikatakan telah memiliki peti televisyen sejak tahun 1950-an, jangkauan khalayak media misionari menjadi cukup luas dan mereka sudah tentu mempunyai pengalaman yang lebih lama terutama dari aspek memastikan program media yang dibikin berupaya menarik dan mengekalkan minat sasaran. Teknologi pada mereka bukan lagi merujuk kepada masalah memperolehi perkakasan (*hardware*), tetapi mereka telah menjangkau kepada soal “keberkesanan” program (perisian). Mereka menakrifkan teknologi komunikasi sebagai “alat perkakasan, struktur organisasi dan nilai-nilai sosial yang dialami oleh individu semasa mengumpul, memproses dan bertukar-tukar informasi dengan individu-individu lain”.¹⁴ Berdasarkan takrifan ini, penekanan didapati bukan sahaja diberi kepada perkakasan, tetapi juga kepada struktur organisasi yang menggerakkan media dan nilai-nilai yang terhasil dan membentuk persepsi khalayak.

Justeru itu, jika dibuat bandingan antara tasawwur Barat dalam kes penyampaian mesej, mereka didapati memasukkan perbincangan tentang kewujudan peralatan tersebut sebagai perantara kepada mesej meliputi aspek-aspek teknikal. Misalnya, dalam buku-buku teks komunikasi dari Barat yang membincangkan mengenai unsur-unsur komunikasi, mereka turut meletakkan unsur “enkoder” dan “dekode”, iaitu dua unsur penting yang perlu wujud dalam proses komunikasi, khususnya bagi komunikasi massa. Dalam proses komunikasi, selain dari unsur penghantar mesej (sumber), penerima, kandungan mesej, perantara, gangguan dan kesan, unsur enkoder dan dekode yang berkaitan teknik-teknik penyampaian mesej dibincang secara detil. Enkoder seperti telefon ialah unsur yang bertanggungjawab menggubal apa yang ingin

¹³ Luis Patau, *Religious Broadcasting*, Jun 1991, h. 11.

¹⁴ Rogers, Everett M (1991). *Teknologi Komunikasi: Media Baru Dalam Masyarakat*, diterjemah oleh Zulkarnaina Mohd. Mess. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2.

disampaikan oleh sumber dalam bentuk kod-kod dan kemudian menuarkannya dalam bentuk utusan. Apabila satu lagi telefon yang dihubungi menerima kod-kod utusan tadi, ia menukar balik dalam bentuk yang difahami dan telefon yang kedua ini dinamakan dekoder. Peranan alat-alat teknologi lain seperti pemancar radio dan TV dan alat penerimanya serta enkoder dan dekoder dalam sistem satelit juga dibincangkan.¹⁵

Dalam kajian disiplin ilmu dakwah berdasarkan teks-teks yang ditulis, pemikiran tentang penggunaan teknologi untuk menyampaikan mesej secara teknikal seperti di atas tidak diperolehi. Unsur-unsur dakwah yang dibincang hanya meliputi unsur proses dakwah yang asas seperti pendakwah, mauduk, manhaj dan sasaran.¹⁶ Aspek keberkesanan atau kaedah pengukuran keberkesanan secara saintifik juga jarang-jarang disentuh. Jika kesimpulan boleh dibuat setakat ini dengan meneliti teks-teks yang menjadi rujukan utama dalam bidang pengajian dakwah, ini bermakna pemikiran untuk membentuk pendakwah-teknologi atau *tekno-da'i* belum berbudaya dalam melahirkan sumber tenaga pendakwah yang bersifat profesional. Terdapat perbincangan yang dilakukan tentang penggunaan media dalam metodologi dakwah yang diutarakan secara umum misalnya oleh Profesor Dr. Ab. Aziz¹⁷ dan penulis sendiri.¹⁸ Gagasan pemikiran untuk menggabungkan aspek manhaj dakwah dan penggunaan teknologi termasuk aspek teknikal berkaitan penggunaan internet, intranet dan sebagainya masih belum matang.

Belum juga terdapat banyak kajian yang serius tentang “teledakwah” serta mengembangkan teori-teori berkaitan secara mendalam baik yang bersifat teoretikal atau empirikal. Dalam perbincangan berkaitan teknologi, umat Islam umumnya memang lebih cenderung kepada menjadi pengguna dari menjadi pencipta. Oleh kerana kecenderungan ini, di kalangan mereka yang beraliran pendidikan Islam khususnya, mereka lebih mengambil sikap defensif, iaitu banyak menyuarakan bantahan terhadap nilai-nilai yang dianggap negatif yang muncul akibat terdedah kepada media sehingga timbul gelaran teknologi media sebagai ‘instrumen syaitan’. Malah tabiat penggunaannya juga lebih cenderung kepada budaya negatif dari positif. Misalnya tabiat negatif tersebut boleh dikesan seperti ditegaskan oleh Musa Abu Hassan berdasarkan kajian beliau seperti berikut: “Kajian saya tentang penggunaan

¹⁵ Lihat contohnya Samsudin Abd Rahim (1993), *Komunikasi Asas*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

¹⁶ Ahmad Ghawash, *al-Da'wah al-Islamiyyah*, h. 273-448; 'Abd al-Karim Zaydān, *Uṣūl al-Da'wah*, h. 299-230.

¹⁷ Ab. Aziz Mohd Zin (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

¹⁸ Zulkiple Abd. Ghani (2001), *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.

Kepentingan Golongan *Tekno-Da'i* Dalam Penyebaran Dakwah

VCR di rumah pada tahun 1997 mendapati bahawa anggota masyarakat banyak merakamkan filem yang ditayangkan di televisyen dan tidak banyak yang merakamkan rancangan yang berbentuk maklumat atau pendidikan.¹⁹ Dalam halaman yang lain beliau menulis: "... komputer ini telah menjadi alat permainan suka ramai. Sayang, sebuah alat permainan yang begitu mahal!"²⁰

Media baru yang muncul kini didapati menggabungkan teknologi penyiaran, satelit dan komputer di mana ia telah turut menyerahkan beberapa karakter baru berbanding teknologi media sebelum ini. Darjah interaktiviti yang berlangsung secara dua hala telah meningkat sehingga membolehkan penilaian keberkesanannya dilakukan secara serta merta. Selain itu, khalayak telah diperkecilkan di mana mesej boleh disampaikan oleh hampir setiap individu dalam khalayak dan media ini mempunyai keupayaan untuk tidak mementingkan masa kerana kawalan mesej diletakkan pada individu (contohnya seperti teknologi SMS).²¹ Media baru mempunyai ciri-ciri desentralisasi. Oleh kerana sifatnya tidak dimonopoli oleh pihak-pihak tertentu berbanding dengan jenis-jenis media sebelum ini, maka penggunaannya didapati agak bebas, bergantung kepada kebolehan dan kemauan pengguna. Ia juga turut membuka peluang dan cabaran. Justeru itu, idea pembentukan secara terancang sekumpulan sumber *tekno-da'i* yang dianggap pakar dan profesional dalam mengolah dan menterjemahkan manhaj dakwah-teknologi ini akan menjadi lebih relevan dan amat penting kini.

KEPENTINGAN JAMAAH *TEKNO-DA'I*

Kepentingan golongan *tekno-da'i* untuk wujud dan memberi sumbangan kepada dakwah Islamiah memang tidak dipertikaikan khususnya oleh mereka yang terlibat aktif dalam disiplin pengajian dakwah. Malah seperti yang dibincangkan sebelum ini tentang perkataan "minkum" dalam ayat 104 Surah Ali-Imran, para ulama Islam seperti Ibn Kathir dan al-Rāzī bersetuju supaya satu *firqah* dari umat Islam yang mempunyai kemahiran dakwah wajib diwujudkan.²² Jika tidak umat Islam

¹⁹ Musa Abu Hasan (2001), *Peranan dan Penggunaan ICT di Kalangan Masyarakat*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, h. 34 dan 60.

²⁰ *Ibid.*, h. 60.

²¹ Contohnya dalam teknologi telefon bimbit generasi ketiga (G3), pengguna boleh melayari ruang siber, memuat turun dan menyimpan imej-imej dan data-data yang disukai. Dalam kes terbaru misalnya yang berlaku di Britain, kes pornografi kanak-kanak meningkat 15 kali ganda sejak tahun 1988 akibat kemunculan teknologi media baru ini di mana kawalannya didapati makin sukar dilaksanakan. "Internet, Telefon Bimbit Tingkatkan kes Pornografi Kanak-Kanak, *Berita Harian*, h. c3.

²² Ahmad Ghalwash, *al-Da'wah al-Islamiyyah*, h. 237.

keseluruhannya dianggap berdosa. Kewujudan sekumpulan masyarakat Islam yang bersifat ‘teknosentrik’ merupakan kumpulan sasaran baru yang perlu dirancang dan ditangani secara bijaksana. Persoalannya, apakah di Malaysia tidak terdapat orang-orang Islam yang mempunyai kemahiran dalam ICT? Jawapannya tentulah kita mempunyai ramai tenaga sama ada secara individu, dalam organisasi bukan kerajaan (NGO) atau di institusi-institusi kerajaan. Begitu juga dengan para pendakwah. Apa yang kurang ialah kita kekurangan pendakwah dan teknologis yang mempunyai dan menguasai kedua-dua kemahiran secara serentak. Setiap tahun, pelbagai institusi pendidikan tinggi (IPT) mengeluarkan ribuan graduan Muslim sekurang-kurangnya di peringkat diploma dan ijazah dalam bidang teknologi komunikasi maklumat. Apakah mereka menjadi pendakwah yang boleh digelar *tekno-da'i*? Begitu juga terdapat ribuan graduan pengajian Islam di keluarkan setiap tahun oleh IPT? Apakah mereka juga boleh digelar *tekno-da'i*? Jawapan kepada kedua-dua persoalan ini amat penting dalam konteks merangka perancangan bagi mewujudkan *tekno-da'i*.

Jamaah *tekno-da'i*, khususnya yang berkaitan ICT, dijangka akan mempunyai kemahiran untuk melakukan transformasi mauduk dalam alam teknikal teknologi dan berkeupayaan tinggi pula untuk mewujudkan rangkaian perkhidmatan media baru. Penguasaan mauduk dakwah dan dalam masa yang sama menguasai aspek teknikal teknologi ICT adalah keperluan mendesak bagi penyebaran dakwah. Jamaah ini mesti mampu berdikari, bergerak secara jamaah dalam bentuk industri sehingga mereka boleh bersaing dan memimpin pandangan umum (*al-ra'y al-'ām*) arus perdana masyarakat.

Penulis berpendapat alam pengendalian media baru yang relatifnya mahal dari segi perkakasan dan pembuatan program tidak lagi boleh dikendalikan dalam konsep dan pemikiran bersifat *tabarru'*. Terdapat beberapa bukti menunjukkan hasrat pendakwah yang tinggi untuk menceburi dunia teknologi media dan menjadikannya gelanggang penyebaran mesej Islam dengan menggunakan pelbagai nama yang dikaitkan dengan Islam hanya dapat bertahan dalam jangkamasa yang singkat. Misalnya, akhbar *al-Imam* yang diasaskan oleh tokoh pembaharuan Islam, Syed Syeikh al-Hadi, hanya dapat bertahan dalam jangkamasa 2 tahun (1906-1908), walaupun pengendaliannya telah cuba memasuki alam industri dan mempunyai percetakan sendiri. Seperti yang ditulis oleh seorang penganalisis: “Penerbitan *al-Imam* terhenti pada tahun 1908 kerana kesulitan kewangan walaupun majalah ini pada dasarnya telah dapat memikat hati pembaca-pembaca di Tanah Melayu dan Indonesia”,²³ keadaan yang sama terjadi kepada majalah *al-Ikhwan* (1926-1931), *Saudara* dan sebagainya. Majalah *Pengasuh* yang diterbitkan oleh Majlis Agama

²³ Talib Samat (1992), *Syed Syeikh al-Hadi Sasterawan Progresif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 22.

Kepentingan Golongan *Tekno-Da'i* Dalam Penyebaran Dakwah

Islam Kelantan (MAIK) sejak tahun 1918 dengan menampilkan Tok Kenali sebagai pengarang pertamanya juga boleh dikatakan gagal kini untuk menonjolkan diri sebagai medium dakwah yang berkesan disebabkan oleh konsep penerbitan dan pengurusan media yang tidak sesuai dengan keperluan semasa. Menggunakan wang zakat sebagai sumber utama untuk penerbitan, *Pengasuh* didapati sangat seringkali mengalami kerugian, majalah yang dicetak tidak diedar sepenuhnya akibat kelemahan aspek pengedaran, pengurusan kewartawanan dan proses penerbitan yang lemah, dan kekurangan kreativiti dari segi persembahan isi kandungan.²⁴ Pengalaman dakwah melalui media seperti ini boleh dijadikan iktibar untuk memandu golongan teknolo-da'i dalam gelanggang yang penuh dengan tatacara permainan para siberis di mana jaguhnya akan diiktiraf berdasarkan kecekapan manipulasi ICT dan menggunakan kesempatan ruang dan masa yang diperolehi.²⁵

Umumnya terdapat tiga kategori aktiviti atau pekerjaan besar hasil kemunculan dan gabungan teknologi ICT iaitu aktiviti yang melibatkan proses storan, pemprosesan dan penyebaran atau difusi. Storan melibatkan aktiviti mengumpul dan menyimpan maklumat serta membolehkan maklumat diperolehi secara cepat dan tepat ketika ia diperlukan, khususnya untuk membuat keputusan atau kesimpulan terhadap sesuatu perkara. Pemprosesan melibatkan usaha menapis, menyaring dan menentukan prioriti sesuatu maklumat serta melibatkan juga aspek rekacipta yang menggabungkan pelbagai media (multimedia) yang sesuai dengan kehendak sasaran yang khusus. Penyebaran melibatkan soal rangkaian dan pencarian sasaran serta bagaimana menemui jumlah khalayak yang besar dengan tahap keberkesanan yang maksimum. Dalam ketiga-tiga kategori ini, terdapat pelbagai jenis pekerjaan baru muncul dan akan dicipta berdasarkan ICT yang menghimpunkan mereka dengan istilah “pekerja berpengetahuan”. Antara bidang-bidang perkerjaan tersebut termasuk pakar dalam program komputer, perisian, rangkaian data, sistem keselamatan komunikasi komputer, pengurusan sistem asas data, penulis papan cerita, perekacipta, mekanik, juruteknik, jurutera, bahagian audio visual, pengurus dan pelbagai nama perjawatan baru.

Jika keseluruhan keperluan *tekno-da'i* mahu diperincikan, ini bermakna mereka perlu bekerja di dalam satu kumpulan yang besar, mempunyai asas kepada ilmu Islam dan pendekatan dakwah serta memiliki kemahiran teknologi tertentu dalam bidang tertentu. Tanggapan ini tentulah dianggap sesuatu yang ideal atau lebih tinggi

²⁴ Yazilmiwati @ Hasni Bt. Yaakub (2002). *Tema Dakwah Dalam Majalah Pengasuh: 1975-2000*. Disertasi Sarjana Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

²⁵ Lihat Zulkiple Abd. Ghani. “Cabaran Dakwah Islam di Era Siber”. *Jurnal Usuludin*. bil. 15, Julai 2002, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

lagi sebagai utopia. Bagaimanapun, kajian media telah menemui satu konsep yang dikenali sebagai “*seeing is believing*” yang merujuk kepada kepercayaan bahawa apa yang dilihat adalah apa yang dipercayai ataupun teori Mc Luhan “*the medium is the message*” yang merujuk kepada “perkakasan” itulah sebenarnya yang mengandungi mesej utama. Konsep ini diterjemahkan dalam satu organisasi besar yang mengandungi pelbagai kepakaran media dan menjelma menjadi antara empayar media yang sentiasa membentuk persepsi dunia terhadap sesuatu isu. Misalnya dalam tahun 1965, British Broadcasting Corporation (BBC) dikatakan mempunyai kira-kira 20,000 kakitangan yang bekerja dengannya dalam pelbagai aspek penerbitan radio dan TV.²⁶ Mereka dibayar gaji hasil dari cukai lesen yang dikenakan kepada orang ramai dan juga pengiklanan. Pekerjaan mereka dianggap sebagai sumber rezeki ‘mencari nafkah’ dan dalam masa yang sama mereka memanggil profesyen yang diceburi sebagai penyiar profesional.

Apakah peringkat *tekno-da'i* yang dimaksudkan akan sampai ke tahap apa yang telah dilalui oleh organisasi media seperti BBC? Atau perancangannya hanya sekadar mewujudkan kepelbagaiannya kemahiran ICT di kalangan Muslim yang sebahagian kecilnya akan menjadikan profesyen dakwah sebagai kerja sampingan bila ada kelapangan atau sekadar mencipta beberapa laman sesawang yang memuatkan sebahagian besar maklumat struktur organisasi Islam masing-masing? Apa yang berlaku di negara kita kini ialah kita tidak kekurangan tenaga Muslim dari segi kemahiran ICT. Institusi pendidikan tinggi telah memberi perhatian dan dana yang banyak kepada bidang ini atas tanggapan kepentingannya adalah menjadi prioriti utama yang tidak sama sekali boleh dikesampingkan. Fakulti Pengajian Islam UKM telah mula mengeluarkan sejumlah graduan yang menggabungkan disiplin pengajian Islam dengan disiplin teknologi maklumat. Begitu juga dengan beberapa IPT lain yang mengeluarkan graduan di peringkat diploma yang diperkatakan sebagai berkemampuan untuk mengadunkan antara ilmu Islam dan ICT. Malah terdapat juga beberapa ulama yang begitu arif IT melalui usaha peribadi seperti diperlihatkan oleh beberapa peribadi tertentu.²⁷

Apakah kita akan menunggu agar semua elemen mereka yang berpengetahuan teknologi dan dakwah akan mengkoordinasi secara tabii atas dasar kesedaran dakwah dan menuruti sunnah Rasulullah s.a.w. “menyampaikan” dakwah dengan menggunakan teknologi baru? Barangkali kesimpulan yang dibuat oleh oleh Peter F.

²⁶ Brandenburger, Barbara (1965), *Working in Television*. London: The Bodley Head, h. 13.

²⁷ Lihat perbincangan Abdul Ghani Shamsudin, “ICT Pencambah Ilmu Bercapah, Penyebar Khazanah Ilmu-Ilmu Islam”, kertas kerja dibentang di Seminar Berdakwah Menerusi ICT, anjuran Kerajaan Negeri Melaka dan Jabatan Mufti Negeri Melaka, 9-10 September 2002.

Kepentingan Golongan *Tekno-Da'i* Dalam Penyebaran Dakwah

Druker boleh sedikit sebanyak membantu menunjukkan penyelesaiannya. Selepas *lelah* menghuraikan pelbagai faktor, manifestasi, dunia selepas perniagaan, perubahan analisis kepada tanggapan atau apa yang dipanggil keseluruhannya oleh beliau sebagai “realiti baru”, Drucker seolah-olah menemui jawapan dengan mengatakan bahawa segala-galanya bergantung kepada faktor pengurusan.²⁸ Pengurusanlah yang bertanggungjawab mengkoordinasi pelbagai kemahiran untuk mencapai matlamat yang dipersetujui bersama. Ada organisasi yang begitu berjaya apabila bertukar pengurusan menjadi musnah, begitu juga sebaliknya. Kata beliau “tidak tahu cara mengurus ialah sebab tunggal utama bagi kegagalan kegiatan-kegiatan yang baru”. Dalam suasana teknologi dan persekitaran yang cepat berubah-ubah, pengurus yang menguasai maklumat dan boleh menangani perubahan bagi menuju kepada objektif yang disasarkan amat diperlukan.

Barangkali ‘kebijakan pengurusan’ yang ada kaitan dengan faktor kepemimpinan ini pun bukanlah jawapan mutlak untuk penyelesaian terhadap perkara besar seperti ini. Mereka dalam bidang pendidikan pula akan berhujah bahawa masa untuk melahirkan pendakwah-teknologi yang tahu ‘berpujangga’ telah berlalu. Apa yang utama ialah realiti baru menuntut pengetahuan yang merangkumi pelbagai disiplin dan hasil dari perancangan pendidikan yang berkualiti dunia, kita akan berupaya melahirkan sekumpulan manusia yang berkarakter “superhuman”. Sekali lagi Drucker melihat faktor perubahan hasil kelajuan ICT telah menjadikan banyak pemegang-pemegang ijazah beberapa tahun yang lalu dan dianggap pekerja berpengetahuan dalam pelbagai bidang tertentu kini telah menjadi “usang” jika mereka tidak “belajar untuk belajar”. Justeru itu, konsep pembelajaran sepanjang hayat menuntut pelbagai sektor kehidupan memastikan pekerja-pekerja mereka sentiasa dibaik pulih agar relevan dengan kehendak pasaran dan kegunaan semasa. *Tekno-da'i* tidak ketinggalan merupakan satu konsep baru yang perlu kepada perancangan untuk memenuhi tugas manusia Muslim terhadap Allah dan juga “*political will*” dari ahli politik-pendakwah untuk mencapai ketinggian darjah kemanusiaan di sisi Allah s.w.t.

KESIMPULAN

Dakwah merupakan sunnah Rasulullah s.a.w. yang paling nyata dan menjadi penyebab utama baginda diutus untuk memandu manusia menemui realiti hidup sebenar melalui wahyu. Teknik penyampaian dakwah berdasarkan konsep hikmah,

²⁸ Drucker, F. Peter (1995), *Realiti Baru*. Diterjemah oleh Nazlifa Md. Ali. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 205-215.

teladan yang baik dan *mujadalah* dengan cara terbaik merupakan kaedah yang sesuai bagi fitrah manusia di sepanjang masa dan tempat. *Tekno-da'i* ialah sekelompok dari pendakwah yang meneruskan agenda Rasulullah s.a.w. berdasarkan pengetahuan teknik yang ditemui melalui pengalaman kehidupan yang bertujuan memudahkan urusan kehidupan manusia di atas dunia. Kepentingan golongan ini tidak boleh dinafikan. Masalahnya ialah bagaimana mewujudkan kelompok *tekno-da'i* yang berkhidmat kerana Allah secara kelompok besar yang terangkai dalam satu susunan struktur yang terancang dan hasil usaha mereka bakal memberi kesan maksimum kepada kualiti dan kuantiti pendakwahan. Perencanaan teliti di peringkat kepimpinan dakwah akan melahirkan jamaah baru yang berupaya mengadun kedua-dua disiplin dakwah dan ICT dan perlu bergerak dalam kerangka industri besar yang mampu bersaing membentuk khayalak.